



Juruteknik rugi RM3,000 selepas ditipu 'kawan'

MIRI: Seorang lelaki kerugian RM3,000 setelah terperdaya dengan panggilan telefon daripada seorang 'kawan' yang hendak meminjam duit kerana dompetnya hilang.

Berikutan itu, satu laporan polis telah dibuat oleh mangsa yang berusia lingkungan 50-an kelmarin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam mengesahkan pihak polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah (BSJKD) Miri telah menerima laporan yang dibuat oleh mangsa.

Terdahulu katanya, mangsa yang bekerja sebagai juruteknik telah menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar atau mengakui dirinya sebagai kawan mangsa untuk meminta bantuan dari segi kewangan kerana dompet dan telefon bimbitnya hilang.

"Prihatin dengan keadaan suspek, mangsa telah meminjamkan sejumlah RM3,000 kepadanya dengan membuat satu transaksi ke sebuah akaun. Suspek berjanji akan membuat bayaran balik kepada mangsa pada petang hari

yang sama," katanya.

Menurut Alexson, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu setelah menghubungi kawannya yang sebenar menerusi talian lama dan mendapatikawannya itu tidak pernah kehilangan dompet dan telefon bimbit.

Sehubungan itu, Alexson menasihati orang ramai agar sentiasa berwaspada dengan panggilan dari pihak luar yang mendakwa sebagai rakan dan meminta bantuan kewangan.

Selain itu katanya, orang ramai juga dinasihatkan menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 sekiranya menjadi mangsa penipuan siber (Phone Scam, Love Scam, E-Dagang, Pinjaman Tidak Wujud dan sebagainya) dan baharu sahaja membuat transaksi pindahan wang ke mana-mana akaun bank atau E-Wallet suspek.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi Whoscall melalui Google Play Store atau Apple Store untuk membantu anda membuat keputusan sama ada mahu menjawab panggilan yang diterima atau

sebaliknya.

"Kerjasama di antara Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dengan pembangun aplikasi Whoscall membolehkan nombor telefon yang tersenarai dalam pangkalan data sistem semak mule JSJK akan ditandakan sebagai Scammer oleh Whoscall.

"Orang ramai juga boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui Check SCAMMERS CCID atau melalui laman sesawang <http://semakmule.rmp.gov.m> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan," ujar beliau lanjut.

Katanya, orang ramai juga boleh melayari laman sosial Facebook Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak untuk mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan.

Selain itu katanya, mereka boleh berhubung dengan JSJK infoline di talian 013-2111222 (whatsapp) bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian.